

(Bahagian Perancangan Dan Komunikasi Korporat)

Surat khabar: Utusan Sarawak (Berita Perdana)

Hari/Tarikh: 13/1/2016

Muka surat: 3

Tajuk : Berkat sayangi hidupan laut

# Berkat sayangi hidupan laut

KOTA SAMARAHAN: 'Tuah dari si ikan lumba' itulah yang penulis dapatkan huraikan ke atas kejayaan Pegawai Penyelidik Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Cindy Peter yang muncul sebagai satu-satunya pegawai UNIMAS yang berjaya mendapat Anugerah Stephen Leatherwood, baru-baru ini.

Berkat sayang dan cintanya kepada spesies ikan paus terutama ikan lumba-lumba atau dolfin, mendatangkan rezeki besar buat Cindy apabila memenangi anugerah yang menjadi rebutan dan jarang disampaikan di Persidangan Mamalogi Marin Ke-21 di San Francisco hujung tahun lepas.

Cindy Peter seorang Pegawai Penyelidik dari Institut Kepelbagaian Biologi dan Pemuliharaan Alam Sekitar (IBEC) UNIMAS berjaya menyingkirkan beberapa penyelidik dari negara luar lain dari Selatan dan Asia Tenggara lain seperti Filipina, Singapura, Indonesia dan sebagainya yang turut menyertai pembentangan kertas kerja bagi memenangi anugerah berkenaan.

Menurut Cindy, beliau tidak menyangka akan memenangi anugerah berkenaan memandangkan pesaing-pesaing lain mempunyai kertas pembentangan yang menyakinkan manakala beliau hanyalah berkaitan pertindihan aktiviti perikanan dan distribusi spesis ikan paus dan lumba



CINDY PETER ... Terima Anugerah Stephen Leatherwood.

di Santubong, Sarawak.

"Saya amat bersyukur kerana memenangi anugerah ini dan berterima kasih kepada UNIMAS dan Persatuan Mamalogi Marin atas kerjasama dan bantuan sepanjang penyertaan saya dalam persidangan ini," katanya semasa ditemui di Institut Kepelbagaian Biologi dan Pemuliharaan Alam Sekitar (IBEC) baru-baru ini.

Anugerah berkenaan

sememangnya ditunggu-tunggu kerana ia peluang untuk penyelidik muda dari Selatan mahupun Asia Tenggara membentangkan kertas kerja paling cemerlang dengan kaedah perlindungan haiwan yang baik.

Setakat ini, Anugerah Stephen Leatherwood hanya dimenangi oleh dua pemenang sahaja iaitu penyelidik dari Jepun pada tahun 2013 diikuti oleh Cindy Peter (2015).